

30/08/1998

Amalan menabung bantu pulihkan ekonomi

PULAU PINANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, amalan rakyat yang suka menabung dan bijak berbelanja dengan membeli barangan tempatan telah membantu usaha kerajaan memulihkan ekonomi.

Perdana Menteri dalam kata-kata aluannya dalam buku cenderamata sempena Sambutan Hari Kebangsaan, yang dikeluarkan di sini, semalam berkata, selain itu, sokongan padu seluruh lapisan masyarakat juga banyak membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi, berikutan kejatuhan nilai ringgit.

Beliau berkata, komitmen yang ditunjukkan oleh seluruh rakyat juga mencerminkan betapa mereka mempunyai sikap taat setia dan cintakan negara, dan kerajaan juga berharap agar masalah ekonomi ini akan berakhir dalam masa yang singkat.

(END)